

23 MAR 1996

PWM ANJUR ANUGERAH WARTAWAN CEMERLANG NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Persatuan Wartawan Malaysia (PWM), buat pertama kalinya, menganjurkan Anugerah Wartawan Cemerlang Negara bagi memberi penghormatan dan mengenang jasa wartawan veteran tanah air.

Pada mesyuarat jawatankuasa penuh PWM minggu lepas, persatuan itu bersetuju mengisytiharkan lima orang wartawan veteran sebagai penerima anugerah itu.

"Pemilihan mereka berdasarkan kekananan dalam bidang kewartawanan, mempunyai semangat perjuangan dan patriotisme yang tinggi serta sumbangan jasa dan idea mereka dalam bidang kewartawanan tanah air," kata Presidennya Yazid Haji Othman dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata nama kelima-lima wartawan veteran terpilih itu akan diumumkan pada majlis Malam Perdana PWM pada 3 April ini dan anugerahkan itu akan disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun masih ramai lagi wartawan-wartawan yang berkecayuan untuk menerima penganugerahan itu, PWM memutuskan untuk menyampaikan kepada lima orang sahaja buat kali ini, katanya.

Yazid berharap lebih banyak pihak akan tampil memberi sumbangan dan kerjasama kepada PWM bagi menjayakan penganugerahan itu pada masa akan datang.

-- BERNAMA

NJ NAK